



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 7 TAHUN 2009**

---

**PERATURAN BARU LPKP BERKAITAN PERMOHONAN LESEN BARU,  
MEMBAHARUI, PERMOHONAN SEMULA DAN UBAHSYARAT**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 20 JULAI 2009**

## **PEKELILING LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN BIL.7 TAHUN 2009**

Semua LPKP Wilayah, Semenanjung Malaysia

### **PERATURAN BARU LPKP BERKAITAN PERMOHONAN LESEN BARU, MEMBAHARUI, PERMOHONAN SEMULA DAN UBAHSYARAT**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pemohon baru dan pemegang lesen mengenai peraturan baru LPKP berkaitan permohonan lesen baru, membaharui, permohonan semula dan ubahsyarat.

#### **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Bilangan 16 Tahun 2009 pada 7 Julai 2009 telah memutuskan mulai 1 Ogos 2009 semua permohonan di kaunter LPKP samada permohonan baru, membaharui, permohonan semula atau ubahsyarat mestilah menyelesaikan terlebih dahulu semua tunggakan saman / kompaun dengan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

3. Tujuan peraturan ini dibuat adalah untuk memastikan pemegang lesen sentiasa bertanggungjawab ke atas lesen dan mana-mana kesalahan yang telah dilakukan samada oleh pemegang lesen atau mana-mana individu yang menggunakan kenderaan tersebut sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 20 (2) Akta LPKP 1987 [Akta 334].

4. Setiap permohonan yang dihantar di kaunter akan disemak oleh petugas kaunter dan LPKP akan menolak mana-mana permohonan yang tidak memenuhi syarat tersebut.


### **PEMAKAIAN**

5. Semua permohonan hendaklah mematuhi peraturan baru berkaitan saman / kompaun yang telah ditetapkan.

### **TARIKH KUATKUASA**

6. Arahan Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2009.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia

**20 JULAI 2009**

**Salinan Kepada:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Pengarah JPJ Negeri / Wilayah

Ketua Polis Trafik  
Cawangan Trafik  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Operasi PUSPAKOM  
Wisma DRB HICOM  
No. 2, Jalan Usahawan U1/8  
Seksyen U1  
40150 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

**Edaran Dalaman:**

Pengerusi LPKP

Pengarah LPKP Wilayah Tengah

Pengarah LPKP Wilayah Timur

Pengarah LPKP Wilayah Utara

Pengarah LPKP Wilayah Selatan

KPPK

KPP 2

KPP 3

} Sila tampal pekeliling ini pada  
papan kenyataan di pejabat  
LPKP Wilayah

